

SOALAN 1 (RUMUSAN)**SKEMA JAWAPAN
SOALAN 1 (RUMUSAN)**

PEN	JAWAPAN	MARKAH
P1	Petikan membincangkan kesan-kesan negatif / akibat / implikasi / keburukan media sosial dalam kalangan remaja / di Malaysia.	2
P2	Rumusan membincangkan kesan-kesan negatif / akibat / implikasi / keburukan media sosial dan punca remaja menggemari media sosial.	2
P3	Petikan membincangkan kesan-kesan negatif / akibat / implikasi / keburukan media sosial dan usaha untuk membendung masalah penggunaan media sosial.	2
P4	Petikan membincangkan kesan-kesan negatif / akibat / implikasi / keburukan media sosial.	1
P5	Petikan membincangkan impak negatif media sosial di negara kita.	0

ISI TERSURAT (impak negatif media sosial)

ISI	JAWAPAN	MARKAH
S1	penyebaran berita palsu secara berleluasa	2
S2	mendorong golongan muda menjadi lalai dan membuang masa	2
S3	golongan muda mudah terpengaruh dengan gejala negatif	2
S4	mempengaruhi minda kanak-kanak dan remaja dengan meniru aksi ganas dan berbahaya	2
S5	pengguna terpengaruh dengan iklan produk dan mempercayai produk tersebut dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi	2
S6	remaja kurang bersabar dalam tindakan kerana telah biasa memperoleh maklumat yang diinginkan melalui media sosial dengan pantas	2
S7	remaja yang berfikiran kurang matang akan mempercayai semua maklumat tanpa menyelidiki	2
S8	remaja menjadi manusia yang sukar bergaul dengan orang lain secara bersemuka	2

S9	mewujudkan ketidaktentuan ekonomi apabila hal yang menjadi rahsia negara diperkatakan	2
S10	penggodam mencuri maklumat peribadi pengguna media sosial untuk tujuan menipu	2

ISI TERSIRAT (punca remaja menggemari media sosial)

ISI	JAWAPAN	MARKAH
T1	Memaparkan maklumat dengan pantas dan menarik	2
T2	Boleh berkomunikasi dengan semua orang pada satu-satu masa	2
T3	Kandungan menghiburkan setelah penat melakukan sesuatu aktiviti	2
T4	Dapat memanfaatkan masa terluang	2

KES	JAWAPAN	MARKAH
K1	Kesimpulannya, pengguna media sosial perlu bijak menyaring maklumat yang diterima supaya unsur negatif tidak melekat dalam diri.	2
K2	Kesimpulannya, kerajaan harus memantau penggunaan media sosial.	1
K3	Kesimpulannya, kita mestilah berhati-hati melayari Internet.	0

KESIMPULAN

Soalan pemahaman 2(a)

(i) Maksud rangkai kata *menimbulkan kekeliruan*.

	JAWAPAN	MARKAH
1	mewujudkan / membangkitkan / menerbitkan / mengakibatkan / mendatangkan kekusutan / kesilapan / kekhilafan	2
2	mewujudkan / membangkitkan / menerbitkan / mengakibatkan / mendatangkan kekeliruan	1
3	menimbulkan kekusutan / kesilapan / kekhilafan	1

(ii) Usaha-usaha tersebut ialah

PILIHAN	JAWAPAN
P1	ibu bapa sewajarnya memantau perlakuan anak-anak yang sedang melayari media sosial

P2	pengguna mesti berhati-hati dalam membeli sesuatu produk yang diiklankan di media sosial.
P3	kerajaan perlu memantau media sosial untuk memastikan keselamatan negara terjamin

[Maksimum 3 markah] [Isi cukup – 2 isi]

(iii) Pada pendapat saya, sekiranya media sosial dilarang penggunaannya

PILIHAN	JAWAPAN
P1	masyarakat akan berkomunikasi hanya menggunakan telefon biasa menyebabkan kesempatan untuk bertanya khabar akan terbatas
P2	masyarakat pada peringkat permulaan sudah tentu akan terkejut dan tidak bersetuju, namun akhirnya mereka menerima larangan tersebut sebagai sesuatu yang sudah tidak dapat dielakkan
P3	Komunikasi akan terbatas
P4	Hubungan kekeluargaan akan semakin renggang.
P5	Penyampaian maklumat terhad.

[Maksimum 4 markah] [Isi cukup – 3 isi]

Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen Munsyi

(i) Unsur negatif yang terdapat di kota besar ialah

ISI	JAWAPAN
P1	kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya
P2	sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya
P3	Warga kota dipisahkan oleh benteng-benteng ketaasuban dan kepentingan diri

[Maksimum : 2 markah]

[Pilih mana-mana 2 isi]

(ii) Pada pendapat saya, perkara yang akan menimpa Mel sekiranya berhijrah ke kota tanpa ilmu dan pegangan agama yang kukuh ialah

P1	sudah tentu dia akan kehilangan identiti sebagai warga peribumi kerana terpengaruh dengan gejala yang tidak sihat seperti pergaulan bebas dan penyalahgunaan dadah
P2	Mel akan kehilangan arah tujuan kerana hidup tidak berpaksikan budaya dan agama
P3	seluruh kehidupannya akan menjunjung nilai yang negatif seperti mencuri dan membuat maksiat

[Maksimum: 3 markah]

[isi cukup 2 isi]

(iii) **Satu** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan ialah :

P1	Nilai patriotisme / semangat cinta akan negara Contohnya: bonda mengingatkan Mel agar mencintai agama dan budaya kerana kedua-duanya merupakan cermin maruah yang ditinggalkan oleh nenek moyang.	1+1
P2	Nilai ketaatan Contohnya : Mel taat akan nasihat bondanya sehingga berkali-kali menanggukkan hasratnya untuk berhijrah ke kota.	1+1

Pilih mana-mana 1 isi

Satu nilai kemanusiaan lagi daripada keseluruhan cerpen ialah :

P1	Nilai hemah tinggi Contohnya : Mel menjaga tutur kata apabila berkomunikasi dengan ibunya dan tidak membantah apabila ibunya melarang dirinya berhijrah ke kota	1+1
P2	Nilai berdikari Contohnya : Mel mahu meninggalkan kampung halaman dan berhijrah ke kota besar untuk meneruskan kehidupan tanpa bergantung pada orang tuanya.	1+1

Pilih mana-mana 1 isi

[Maksimum 4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Soalan (i)	Jawapan	Markah
maksud rangkai kata <i>menghimpunkan segala rakyat</i> P1	Mengumpulkan semua/seluruh/sekalian penduduk/orang ramai/jelata	2
P2	Menghimpunkan semua/seluruh/sekalian penduduk/orang ramai/jelata	1
P3	Mengumpulkan segala rakyat	1

Soalan (ii)	Jawapan
Nyatakan alasan-alasan Seri Amerta dilantik menjadi bentara.	
P1	seorang yang cerdik.

P2	Seri Amerta seorang yang tahu berkata-kata
----	--

(ISI CUKUP: 2)

(MARKAH MAKSIMUM 3)

Soalan (iii)	Jawapan
Pada pendapat anda, mengapakah orang Kelang berbuat demikian?	
P1	menjamin keselamatan anak dan isteri
P2	menaikkan semangat untuk berjuang/memberikan sokongan moral
P3	menakut-nakutkan pihak musuh dengan jumlah yang ramai
P4	memberikan bantuan ketika berperang seperti memasak.

(ISI CUKUP: 3)

(MARKAH MAKSIMUM: 3)

Soalan 2 (d) –

Soalan (i)	Jawapan	Markah
Nyatakan hasrat penyajak berdasarkan sajak tersebut.	- Semoga ruang keampunan dibukakan kepadanya.	1
	- Supaya dia menjadi manusia yang sentiasa taat perintah Allah dan menghindari larangan-Nya.	1

Soalan (ii)	Jawapan
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya seseorang yang sudah bertaubat tidak kembali kepada sikapnya yang dahulu?	
P1	menyesali perbuatannya dengan sungguh hati.
P2	berusaha menghapuskan dosa-dosa yang lalu

P3	banyak berbuat kebajikan
P4	sentiasa mengelakkan diri dari melakukan kejahatan
P5	menyibukkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan.
P6	Mendekatkan diri dengan Tuhan/berdoa

ISI CUKUP – 2
MARKAH MAKSIMUM – 3

Soalan (iii) Dua persoalan yang terdapat dalam sajak ini.	Jawapan	Markah
P1	<p>Persoalan keinsafan seorang manusia yang banyak melakukan dosa.</p> <p>Contoh: Penyajak mengenang kembali segala kesalahan yang telah dilakukan dan telah menyesali semua perbuatan yang dilakukannya. (<i>Merekah keinsafan di hati yang beku Mengenang dosaku yang terdahulu.</i>)</p>	1+1
P2	<p>Persoalan setiap manusia diberi peluang untuk bertaubat selagi dia hidup.</p> <p>Contohnya, penyajak berkesempatan untuk bertaubat dan sujud kepada Tuhan walaupun dalam keadaan yang sangat sedih Contoh : <i>lafaz taubat mengiringi nafas sebak kian mengikuti.</i></p>	1+1
P3	<p>Persoalan setiap manusia masih berkesempatan untuk memohon keampunan sebelum meninggal dunia.</p> <p>Contohnya, Penyajak berharap agar segala kesalahannya diampunkan sebelum meninggal dunia pada masa yang telah ditetapkan Contoh : <i>moga terbuka ruang keampunan sebelum saat aku di nisankan.</i></p>	1+1
P4	<p>Persoalan ajal maut di tangan Tuhan.</p>	1+1

	<p>Contohnya, Penyajak menyatakan bersedia sebelum meninggal dunia pada masa yang telah ditetapkan</p> <p>Contoh : <i>sebelum saat aku dinisankan di masa yang kautetapkan.</i></p>	
--	---	--

ISI CUKUP – 2
MARKAH MAKSIMUM - 4

Soalan 3 (Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa)

Markah penuh iaitu **30** markah dibahagikan kepada :

Soalan 3 (a) : **6** markah

Soalan 3 (b) : **6** markah

Soalan 3 (c) : **6** markah

Soalan 3 (d) : **6** markah

Soalan 3 (e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan
3. Kata yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah
4. Kata yang digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya
9. Ayat tidak jelas, tolak ½ markah
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan) berikan 0 markah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

SOALAN 3a

- memotong
 - memutuskan sesuatu (dengan pisau, gergaji), menghiris
 - mengurangi gaji
 - memintasi jalan (memotong kenderaan)
 - Menyelang (percakapan orang)

- menahan
 - tidak membiarkan lepas (menyekat)
 - Tidak membenarkan masuk
 - Meletakkan sesuatu supaya tidak roboh
 - Mengurung, memasukkan seseorang ke dalam lokap (menagan reman)
 - Menguatkan diri supaya tahan (menahan tangis, menahan marah)
 - Memasang (menahan jerat)
 - Melambai-lambaikan tangan supaya (bas, kereta, teksi) berhenti
- menarik
 - menghela supaya bergerak ke arah diri sendiri (maju ke hadapan, keluar, tercabut, dll), menyentak, menyeret: menarik perahu
 - memikat hati: permainan yang sungguh istimewa dan menarik
 - berubah air muka: menarik muka masam
 - menyedut udara: menarik nafas panjang
 - mulai menyanyi dengan suara yang nyaring: penyanyi itu menarik suaranya
 - meletakkan jawatan, enggan menerima jawatan, keluar dari perhimpunan dengan kemahuan sendiri

[6

markah]

Soalan 3b

- i. Cikgu Azurah bertanyakan pendapat Yuslina tentang kepentingan pengurusan kewangan dalam kehidupan.
- ii. Pemuda itu melarang rakannya mengambil makanan yang mengandungi kolesterol yang tinggi.
- iii. Puan Mariam berpesan kepada anak gadinsya agar berhati-hati ketika membeli barangan secara atas talian.

[6

ma

rka

h]

Soalan 3 (c)

- i cendekiawan – cendekiawan
kebaikan – kebaikan

- ii perduli – peduli
 mencegahi – mencegah
- iii odit – audit
 mengabai – mengabaikan

Soalan 3 (d)

Kesalahan penggunaan kata atau istilah

- i. pembiakan – penularan
- ii. kuno – kolot
- iii. tertekan – terhimpit

Kesalahan tatabahasa

- i. jika sekiranya – jika/sekiranya
- ii. setengah – sesetengah
- iii. mereka masuki – dimasuki oleh mereka

Soalan 3 (e) – Contoh ayat

- i. MAKSUD: Perkhabaran yang terlalu dilebih-lebihkan daripada keadaan atau rupa yang sebenarnya.
Keselesaan penginapan di hotel itu indah khabar daripada rupa kerana tidak sama seperti yang diiklankan di Internet.
- ii. *MAKSUD: Bertemu lawan yang sesuai atau yang sama-sama handal.*
Selama ini Salihin bangga akan kehandalannya berpidato, tetapi kini dia bertemu buku dengan ruas apabila Zaharah yang baru berpindah ke sekolah itu juga bijak berpidato.
- iii. *MAKSUD: Bermuafakat dalam melakukan sesuatu kerja, sama ada kerja itu susah ataupun mudah.*
2. Bekerjasama dalam melakukan sesuatu kerja.
Komuniti madani perlu menerapkan sikap saling membantu dalam hidup bermasyarakat, bak kata peribahasa Melayu, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Soalan 4 (a) [7 markah]

Jelaskan dua persoalan ketabahan dalam sebuah novel yang anda kaji.	
Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor	Silir Daksina karya Nizar Parman
<p>Ketabahan dalam menerima kenyataan Farisha tabah menerima hakikat bahawa keluarga Azraai ialah keluarga angkatnya dan Karl serta Medina yang dikenalnya ialah ibu bapanya yang sebenar</p> <p>Ketabahan dalam menerima dugaan hidup Farisha begitu tabah menghadapi pelbagai dugaan dalam percubaan menculiknya.</p>	<p>Persoalan ketabahan menghadapi dugaan Tuhan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cikgu Nizam tidak memberitahu sesiapa pun tentang penyakitnya. Walaupun sakit, dia tetap meneruskan tugasnya memperkembang seni budaya di kampungnya. <p>Persoalan ketabahan menghadapi cabaran untuk menjejaki warisan arwah ayahnya. Contohnya: Umi tidak menyokong tindakan haiqal untuk pergi ke Johor dan tidak akan memberikan wang saku kepada Haiqal jika Haiqal ke Johor.</p>

Soalan 4 (b) [8 markah]

Di Sebalik Dinara	SILIR DAKSINA
<p>Peristiwa dua orang lelaki berkaca mata telah menculik Farisha.</p> <p>Pembaca tertanya-tanya sebab Farisha diculik dan juga individu yang menculiknya.</p>	<p>Peristiwa semasa Haiqal diberitahu oleh uminya bahawa Walid bukanlah ayah kandungnya yang sebenar.</p> <p>Pembaca tertanya-tanya tentang reaksi Haiqal apabila mendapat tahu akan perkara tersebut.</p>
<p>Unsur saspens muncul ketika Shida mula menjalani sesi komunikasi bawah sedar dengan Karl. Tindak balas meronta dan membanting-banting diri sangat mengjutkan semua yang ada di</p>	<p>Peristiwa Haiqal memberitahu uminya bahawa dia ada perkara yang ingin diberitahu kepada uminya.</p> <p>Pembaca tertanya-tanya tentang perkara yang ingin disampaikan oleh Haiqal kepada uminya</p>

<p>bilik pejabat Farisha dan bilik Dr Maxi. Aqram meminta agar sesi ditamatkan kerana bimbang kejadian lebih teruk akan berlaku. Dr Maxi menghalang. Sesi diteruskan. Kali ini kekerasan terpaksa dilakukan. Kaki dan tangan Shida diikat, Shida berguling-guling ke lantai, nafasnya kencang dan mata terbelalak. Situasi sangat berbeza dengan ketika Farisha melakukan sesi yang sama. Pembaca tertanya-tanya apa yang akan berlaku kepada Shida.</p>	